




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 310 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 29,577 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan di Daerah Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 408 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 26,641 orang. Sejumlah 2,139 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 622 orang di hospital dan 1,517 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 62 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Terdapat tiga (3) kluster baharu dicatatkan pada hari ini iaitu :
  - i. Kluster Perdana Enam yang berpunca daripada saringan kontak rapat dan rakan sekerja di salah sebuah pasar raya dengan 10 kes menjadikan kumulatif 25 kes.
  - ii. Kluster Jalan Kilang yang berpunca daripada saringan kontak rapat dan rakan sekerja di salah sebuah kilang dengan 16 kes menjadikan kumulatif 24 kes.
  - iii. Kluster Jalan Kubota di Daerah Tawau merekodkan sebanyak 14 kes berkaitan dengan saringan individu bergejala
- 5 Daripada 310 kes positif COVID-19 pada hari ini, 160 kes (51.61%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 59 kes (19.03%) daripada saringan kluster baharu dan sedia ada, saringan bergejala 52 kes (16.77%), saringan komuniti 16 kes (5.16%) manakala 23 kes (7.41%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah katil di Hospital COVID-19 ialah sebanyak 1,007 unit, manakala jumlah katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) pula adalah 5,696 unit. Jumlah kapasiti keseluruhan katil ialah 6,703 unit dengan peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.91%.

## **B. SEKATAN KEMASUKAN KE MALAYSIA**

- 1 Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerima pakai keputusan sekatan kemasukan ke Malaysia oleh warganegara Malaysia dan warga asing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan COVID-19.
- 2 Ringkasan panduan bagi Prosedur Pergerakan Warganegara Malaysia dan Asing adalah seperti di Lampiran A, B dan C.

## **C. URUS SETIA COVID-19 NEGERI SABAH**

- 1 Bilik Operasi Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah menyediakan perkembangan terkini berkaitan COVID-19 kepada orang ramai.
- 2 Maklumat semasa situasi kes COVID-19 di Sabah boleh diakses melalui portal <https://covid19.sabah.digital/covid19/> dan talian iaitu 088-369433 dan 088-369434 untuk pelbagai pertanyaan, SOP, pengoperasian perniagaan dan lain-lain.
- 3 Manakala, untuk menyemak Bantuan Sabah Prihatin, orang ramai boleh mengakses Portal Semakan menerusi bantuan.sabah.gov.my atau melalui talian 088-369430 dan 01159792975 (*Whatsapp*).

- 4 Berikut merupakan talian PKOB di setiap Daerah yang sedia menerima panggilan daripada orang ramai:

BIL	DAERAH	NO. TELEFON
1	Kota Kinabalu (DBKK)	088-210011
2	Tuaran	088-787991
3	Kota Belud	088-977618
4	Ranau	088-870519
5	Kudat	088-620415
6	Kota Marudu	088-661517
7	Pitas	088-615520
8	Penampang	088-726054
9	Putatan	088-775502
10	Papar	088-914999
11	Beaufort	087-211059
12	Kuala Penyu	087-884715
13	Sipitang	087-803419
14	Beluran	089-511212
15	Sandakan (MPS)	089-211586
16	Telupid	089-521799
17	Tongod	089-748700
18	Kinabatangan	089-561454
19	Keningau	089-301506
20	Tambunan	089-771800
21	Tenom	087-733716
22	Nabawan	087-366219
23	Kunak	089-851471
24	Tawau (MPT)	089-701704
25	Kalabakan	089-799698
26	Lahad Datu	089-881662
27	Semporna	089-781518

#### D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga hari ini, sebanyak **265,729** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

**E. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 69 SJR telah dilaksana dalam tempoh 24 jam melibatkan pemeriksaan 51,751 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 119 kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan namun 10 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 21 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis di tiga (3) daerah iaitu Tawau, Keningau dan Semporna.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 152 lokasi di 18 daerah. Hebahan dibuat dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun dan Bahasa Bajau.

**F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 98%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Kunak	98.5%
7	Beaufort	98%
8	Ranau	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Tuaran	97%
15	Keningau	97%
16	Tenom	97%
17	Tawau	97%
18	Lahad Datu	97%
19	Semporna	97%

## **G. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 35 kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 160 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan sehari-hari demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
3 Disember 2020